

# Bajet Mini bukti prihatin

## Kementerian laksana usaha pastikan rakyat nikmati kemajuan

B-4 44/03/09 M/S 9

**K**UALA LUMPUR: Masyarakat luar bandar adalah antara kumpulan yang bakal menikmati banyak manfaat daripada pakej rangsangan ekonomi kedua yang diumumkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM230 juta yang disediakan untuk meningkatkan liputan bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak amat mengembirakan masyarakat luar bandar yang masih hidup dalam keadaan serba kekurangan.

Selain itu, katanya, peruntukan tambahan RM350 juta yang disediakan bagi pembinaan jalan luar bandar akan meningkatkan aktiviti ekonomi melalui pengambilan kontraktor kecil dan pekerja tempatan di kawasan luar bandar.

"Peruntukan yang disediakan ini membuktikan kerajaan sentiasa mahu memastikan semua lapisan masyarakat di negara ini menikmati kehidupan selesa. Jus-



PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Datin Seri Jeanne Abdullah; Muhammad dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman meneliti projek Agropolitan Pulau Banggi dari Menara Pak Lah, baru-baru ini.

**“Kerajaan sentiasa mahu memastikan semua lapisan masyarakat menikmati kehidupan yang selesa”**

**Muhammad Muhd Taib**  
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



teru, kerajaan akan terus menyalurkan peruntukan kewangan yang sewajarnya dalam usaha memastikan rakyat di luar bandar menikmati kemudahan asas mencukupi terutama bekalan elektrik dan air serta jalan luar bandar,” katanya.

Malah, katanya, kerajaan menyediakan program khas untuk meningkatkan kehidupan rakyat di Sabah dan Sarawak melalui peruntukan sebanyak RM1.2 bilion ekologi

kepada Kementerian,” katanya mengulas pengumuman Bajet Mini oleh Najib, yang juga Timbalan Perdana Menteri, 10 Mac lalu.

Najib mengumumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan Pakej Rangsangan berjumlah RM 60 bilion. Pakej ini akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun, iaitu 2009 dan 2010.

Beliau berkata, daripada peruntukan sebanyak RM7 bilion di bawah Pakej Rangsangan

luar bandar dapat menikmati kehidupan yang baik dan memiliki kemudahan sewajarnya agar mereka tidak jauh ketinggalan daripada masyarakat bandar.

Selain itu, katanya, peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pelajaran sebanyak RM1.95 bilion bagi membantu sekolah terutama di luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak secara tidak langsung dapat menajayakan usaha kementerian untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Begitu juga dengan sejumlah RM300 juta yang diperuntukkan bagi membantu petani dan peniaga berasaskan pertanian di bawah Agrobank, katanya, dapat dimanfaatkan oleh usahawan desa untuk mencari peluang perniagaan.

Mengenai Pusat Jalur Lebar Komuniti bernilai RM2.4 bilion yang akan diwujudkan, Muhammad berkata, projek berkenaan mampu memberi manfaat secara tidak langsung kepada rakyat luar bandar.

### INFO

#### Peruntukan pembangunan luar bandar

- RM1.68 bilion dibelanjakan mulai 2008 hingga kini untuk melaksanakan 12,034 projek di bawah program bekalan elektrik luar bandar termasuk memasang lampu jalan kampung.
- RM162 diperuntukkan untuk program Bina Insan 2009.
- RM95.8 juta disediakan bagi tempoh 2006-2008 untuk menyediakan pinjaman tanpa cagaran di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED).
- Sebanyak RM200 juta diperuntukkan bagi 2009

peruntukkan bagi 2009 untuk projek jalan kampung manakala RM850 juta untuk jalan luar bandar, RM280 juta untuk bekalan air luar bandar dan RM350 juta untuk bekalan elektrik.

■ RM65 juta untuk program ameniti sosial seperti membina balai raya dan badminton.

■ Sejumlah RM1.5 bilion disediakan untuk program bekalan air luar bandar yang akan memberi manfaat kepada 111,606 rumah.

sebanyak RM1.2 bilion sekali gus membuktikan komitmen kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

“Melalui peruntukan ini membolehkan kita terus memberi tumpuan kepada menyediakan infrastruktur serta meningkatkan aktiviti ekonomi di Sabah dan Sarawak.

“Saya mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada Datuk Seri Najib Razak kerana memberikan peruntukan yang agak besar secara langsung dan tidak langsung

peruntukan sebanyak RM1.2 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, sebanyak RM6.5 bilion diagihkan kepada kementerian dan agensi setakat ini untuk melaksanakan pelbagai program dan projek.

Sehingga kini, melalui peruntukan itu sebanyak 2,118 projek dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang dijangka siap Jun 2009.

Muhammad berkata, kerajaan akan terus melaksanakan usaha ke arah memastikan rakyat terutama di ka-

luar bandar.

“Usaha mewujudkan Medan Info Desa ternyata mampu memberi pendedahan awal kepada komuniti luar bandar mengenai kepentingan komunikasi berteknologi tinggi ini,” katanya

Muhammad berkata, ketika ini, setiap Medan Info Desa membabitkan peruntukan RM330,000 setiap satu dan projek sama akan diperluaskan ke peringkat daerah dan mukim, sebelum fasa seterusnya di setiap kampung.

## 96 peratus prasarana dibina

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjaya membina jalan sepanjang 217 kilometer (km) untuk Jalan Luar Bandar dan 713 km untuk Jalan Kampung yang sepanjang 2008, menunjukkan 96 peratus daripada sasaran berjaya dicapai.

Selain itu, sebanyak 16,196 unit rumah menda-

pat manfaat bekalan air bersih di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar, manakala sejumlah 13,711 unit rumah menerima bekalan elektrik 24 jam di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Di samping itu, sebanyak 39,255 unit rumah menerima faedah daripada pelbagai projek kecil di bawah Program Ameniti Sosial.